# KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
# TARIKH: 10 FEBRUARI 2016 (RABU)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1 | Government approves new 7-year contract for MasWing in Sabah, Sarawak - Liow | Bernama.com |
| 2 | Skuad Elit CyberFIT | Kosmo |
| 3 | CyberFIT mengatasi serangan siber | Kosmo |
| 4 | Malaysia berisiko menerima serangan siber | Kosmo |
| 5 | 2 Kes paling tinggi | Harian Metro |
| 6 | 2,700 evacuated due to floods | The Star |

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 10 FEBRUARI 2016 (RABU)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
Malay | English | 中文 | عربي

# Government Approves New 7-year Contract For MasWing In Sabah, Sarawak - Liow

KOTA KINABALU, Feb 9 (Bernama) -- MasWing, a wholly owned subsidiary of Malaysia Airlines, will continue to provide rural air services in Sabah and Sarawak for another seven years from 2017 for the benefit of the people in the interiors of Sabah and Sarawak.

Transport Minister Datuk Seri Liow Tiong Lai said the government, in principle, had approved the renewal of the contract, which would expire next year, with a total subsidy of RM190 million to cater to the needs of the people in the areas.

"Some interior areas in Sabah and Sarawak could not be reached easily by vehicles and the people there had to rely on low-cost air travel provided by MasWing.

"Hence, the government, through MasWing, helps the people in the affected areas to ensure that the air fares are not too high," he told reporters at a Chinese New Year Open House hosted by Sabah MCA here today.

Liow said the ministry was reviewing MasWing services, currently covering 49 destinations, as it felt certain destinations such as the Sibu-Kota Kinabalu route no longer needed to be subsidised as it was served by commercial flights.

In another development, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Dr Wee Ka Siong said the groundbreaking ceremony of the Sabah branch of the Tunku Abdul Rahman University College would be held in April.

Meanwhile, the Sabah MCA's Chinese New Year Open House this morning was graced by Sabah Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin.

Present were Sabah Chief Minister Datuk Seri Musa Aman, Communications and Multimedia Minister Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau**, state ministers, and community leaders.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**
**KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 30**
**TARIKH : 10 FEBRUARI 2016 (RABU)**

**SAMBUNGAN...**
**KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 30**
**TARIKH : 10 FEBRUARI 2016 (RABU)**



Oleh FARID AHMAD TARMIJI
Foto SURIYA BONMA

# CyberFIT mengatasi serangan siber

**CyberSecurity adalah sebuah agensi yang diberi mandat untuk memantau dan memberi khidmat kepakaran keselamatan dalam bidang teknologi maklumat terutama berkaitan ancaman serangan siber yang boleh mengancam keselamatan individu mahupun negara.**

ASWAMI

FADZLEE

PERKEMBANGAN pesat dalam bidang teknologi maklumat (ICT) sejak sedekad lalu telah menjadikan dunia kini tanpa sempadan.

Kini dengan hanya satu klik sahaja pelbagai maklumat, kemudahan dan perkhidmatan dapat diakses di mana-mana sahaja menggunakan komputer mahupun telefon pintar.

Namun di sebalik kecanggihan teknologi ini masih terdapat sesetengah pihak yang menyalahgunakan kepandaian mereka untuk menggodam serta menyebarkan kod-kod berbahaya (virus) dan botnet iaitu rangkaian robot sehingga boleh menyebabkan kerugian besar.

Serangan siber boleh berlaku dalam banyak bentuk seperti penghantaran e-mel dengan mengepilkan virus supaya menjangkiti komputer sehingga boleh menyebabkan kehilangan maklumat sulit individu, syarikat mahupun kerajaan.

Tahun lalu, laman web rasmi syarikat Penerbangan Malaysia iaitu *www.malaysiasiaairlines.com* telah digodam penjenayah siber Lizard Squad yang menganggotai satu kumpulan dikenali sebagai Cyber Caliphate atau Khalifah Siber.

## Kerugian

Penggodam telah menukar gambar di laman web itu dengan meletakkan gambar seekor cicak memakai sut hitam dan tertera satu mesej iaitu 404-Plane Not Found, Hacked bu Lizard Squad.

Serangan siber itu telah menyebabkan gangguan kepada pelanggan MAS yang mahu berurusan dengan syarikat itu terutama bagi membuat tempahan tiket penerbangan sekali gus menyebabkan kerugian kepada syarikat tersebut.

Dalam menangani ancaman jenayah siber, agensi di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti) iaitu CyberSecurity Malaysia (CSM) telah diberi peranan untuk menangani masalah tersebut.

Naib Presiden Khidmat Tindak Balas CSM, **Dr. Aswami Ariffin** berkata, CSM adalah sebuah agensi yang diberi mandat untuk memantau dan memberi khidmat kepakaran keselamatan dalam bidang teknologi maklumat terutamanya berkaitan ancaman siber yang boleh mengancam keselamatan individu atau negara.

Menurutnya, CSM akan berkongsi maklumat dengan pihak berkuasa serta membuat koordinasi terbaik dalam mengurus ancaman serangan siber.

"CSM mempunyai tenaga pakar mahir iaitu pasukan penyiasat forensik atau dikenali sebagai CyberFIT yang berperanan dalam mengesan, menyelidik dan membasmi sebelum dan selepas kejadian serangan berlaku.


CSM adalah agensi di bawah Mosti yang diberi peranan menangani ancaman jenayah siber.

PENJENAYAH siber hanya perlu menghantar virus bagi menggodam maklumat sulit individu, syarikat mahupun kerajaan.




SYARIKAT berprofil tinggi mempunyai risiko untuk diserang penjenayah siber.

"Pasukan CyberFIT ini mempunyai kepakaran dalam perkhidmatan khusus seperti Cyber999 (Siber999), CyberCSI (Siasatan Tempatan Jenayah Siber) dan yang terkini ialah CyberDEF (Kesan, Basmi dan Forensik Siber)," jelasnya.

Cyber999 merupakan sebuah pusat bantuan yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia untuk membantu seluruh rakyat Malaysia menangani isu-isu keselamatan siber, iaitu insiden keselamatan atau ancaman keselamatan yang dihadapi oleh orang ramai semasa menggunakan internet.

"Orang awam juga terdedah kepada serangan siber dan maklumat peribadi mereka yang tersimpan di telefon pintar ataupun komputer boleh dicuri oleh penjenayah siber ini menghantar virus melalui e-mel atau sebagainya.

"Mereka yang mengesyaki menjadi mangsa serangan siber, boleh menghubungi Cyber999 dan kami akan membantu untuk menanganinya," jelasnya.

Tambah beliau, orang awam perlu berhati-hati dengan serangan siber ini malah kini banyak transaksi terutamanya berkaitan pembayaran boleh dibuat melalui telefon pintar dan risiko untuk diserang juga tinggi.

"Mereka yang selalu menggunakan telefon bimbit sebagai platform pembayaran harus berhati-hati kerana penjenayah siber boleh menggodam dan memindahkan wang anda ke akaun ketiga," jelasnya.

## Bantuan

Dalam pada itu, berlainan pula fungsi bahagian atau skuad CyberCSI yang perkhidmatan khusus untuk siasatan tempatan jenayah siber yang khusus kepada pihak berkuasa seperti polis dan kastam.

Skuad CyberCSI ini akan memberikan bantuan dari aspek teknikal kepada pihak berkuasa tempatan dalam menjalankan analisis terhadap bahan bukti digital seperti komputer, telefon bimbit dan pemain digital mudah alih.

"Skuad ini juga mempunyai keupayaan untuk mengesan dan mencari penjenayah siber yang terlibat dalam

**SAMBUNGAN...**
**KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 31**
**TARIKH : 10 FEBRUARI 2016 (RABU)**



kes jenayah dan dikehendaki oleh pihak berkuasa dengan menganalisis bahan-bahan bukti yang ada.

"Hasil analisis yang diperoleh juga akan dijadikan bahan bukti bertulis dan boleh digunapakai di mahkamah," jelas Aswami.

Antara jenayah siber yang biasa ditangani terdiri daripada penipuan internet, laman web skim cepat kaya, pemalsuan dokumen dan penyalahgunaan laman blog untuk menyebarkan fitnah atau hasutan. Selain itu, lain-lain jenayah yang ditangani termasuklah penyebaran video dan gambar lucah, perisian cetak rompak, kecurian identiti dalam talian, atau pencerobohan terhadap sistem maklumat.

Dalam pada itu, skuad elit CyberDEF terdiri daripada tenaga pakar tempatan berkemahiran tinggi. Mereka memberi perkhidmatan khusus dalam menangani serangan siber terhadap 10 sektor kritikal seperti perbankan, kerajaan, jana kuasa dan kesihatan.

Sektor kritikal ini amat terdedah kepada serangan siber dan boleh mengalami kerugian yang besar jika sistem ia digodam.

"Jika sistem jana kuasa digodam sehingga menyebabkan bekalan elektrik terputus di beberapa kawasan, pasukan CyberDEF akan mengesan virus tersebut serta membaik pulih sistem serta meningkatkan pertahanan bagi mengelak kejadian yang sama berulang.

Tambahnya, selepas menerima aduan pasukan ini akan mengesan jika terdapat virus atau kod bahaya yang dihantar untuk tujuan serangan siber.

"Jika jangkitan virus itu belum berjangkit pasukan ini akan mengambil langkah untuk meningkatkan tahap pertahanan. Sebaliknya, jika dijangkiti kita akan membaik pulihnya," jelas beliau.

SERANGAN siber kebiasaannya didalangi oleh mereka yang berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi maklumat.

Dalam pada itu, Ketua Pasukan CyberDEF, **Mohamed Fadzlee Sulaiman**, 36, berkata, selain mengesan serangan virus dan meningkatkan sistem pertahanan skuadnya juga berperanan menganalisis barang-barang kes bagi mengesan dalang serangan siber tersebut sekali gus membantu pihak berkuasa membawa mereka ke muka pengadilan.

"Kami akan menganalisis barang-barang kes berkaitan dan menyiapkan laporan untuk analisis yang diperlukan jika kes tersebut dibawa ke mahkamah.

"Kami juga bertanggungjawab untuk memberi keterangan sebagai juruanalisis jika kes tersebut dibicarakan," jelasnya.

Tambah beliau, bagi sektor kritikal mereka akan terus berhubung dengan skuad CyberDEF dan bantuan akan diberi sebaik aduan diterima.

"Bagi kes lain selain sektor kritikal kami akan membuat analisis selepas aduan diterima daripada Cyber999 yang memerlukan bahan bukti untuk tindakan undang-undang diambil," jelasnya.

PASUKAN CyberFIT disertai oleh tenaga pakar yang berkemahiran tinggi dalam bidang forensik digital.

> "Mereka yang selalu menggunakan telefon bimbit sebagai platform pembayaran harus berhati-hati kerana penjenayah siber boleh menggodam dan memindahkan wang anda ke akaun ketiga
> **– ASWAMI**

# Malaysia berisiko menerima serangan siber

ISSA

LEDAKAN serta kepesatan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kehidupan masyarakat dunia kini telah memudahkan sebarang maklumat peribadi individu dan organisasi disimpan di alam maya.

Namun kebergantungan yang tinggi berkaitan bidang ICT dalam kehidupan harian boleh menyebabkan struktur maklumat tersebut terdedah kepada ancaman siber sehingga boleh menyebabkan kerugian kepada mangsa.

Sejak kepesatan dalam bidang tersebut, serangan siber boleh dikatakan meningkat setiap tahun dan Malaysia juga tidak terlepas daripada masalah itu.

Menurut **Pengarah Kanan syarikat Sekuriti Siber FireEye (Asia Pasifik), Wias Issa**, Malaysia berada di kedudukan kelapan antara negara berisiko menerima serangan siber manakala Hong Kong, Taiwan, Thailand dan Korea Selatan menjadi negara paling berisiko.

Menurut beliau, FireEye mengesan sekurang-kurangnya 13 kumpulan Ancaman Berterusan Maju (APT) yang cuba menjadikan pelbagai industri di Asia Tenggara sebagai sasaran jenayah siber.

"Ancaman ini melibatkan serangan terhadap pihak kerajaan sebanyak 25 peratus dan selain industri media serta hiburan, perbankan, pendidikan, telekomunikasi, kesihatan, tenaga dan perniagaan runcit.

"Ia bukan perkara baharu tetapi aktiviti serangan dalam talian ini dilihat meningkat dengan negara di Asia Tenggara menjadi sasaran kerana menjadi antara pemain ekonomi terbesar dunia selain faktor geopolitik.

"Serangan ini mungkin datang daripada pesaing sesuatu industri dan apa yang kita dapat lakukan sekarang ialah mencegah dan menghalang pencerobohan mereka," jelasnya.

**KERATAN AKHBAR**
**HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT V4**
**TARIKH : 10 FEBRUARI 2016 (RABU)**

# 2 KES PALING TINGGI

*Malaysia perlu pandang serius penganjuran SID 2016, tingkat kesedaran pengguna Internet khususnya kanak-kanak dan remaja*

***PERHATIAN** perlu diberi kepada anak yang bersosial di internet.*

**FOKUS**

**Oleh Afiq Hanif**
afiq_hanif@hmetro.com.my

Internet yang menjadi platform untuk mengetahui segala maklumat di dunia ini bukan saja memberi impak positif, tetapi turut dijadikan tempat untuk melampiaskan penipuan.

Sikap pengguna Internet yang kurang berhati-hati dan mudah percaya terhadap apa yang dipaparkan serta suka memaparkan segala maklumat peribadi dan rahsia diri di laman sosial antara faktor menyebabkan kes penipuan siber terus meningkat di negara ini.

Alam siber kini membuka ruang besar kepada penjenayah atau pembuli maya kerana capaian Internet yang luas dan melepasi sempadan.

Sebelum ini, bahaya Internet hanya tertumpu kepada penyebaran e-mel palsu sehingga terdapat kajian menunjukkan lima e-mel yang diterima oleh seseorang individu di negara ini, satu daripadanya berpotensi mempunyai unsur penipuan.

Kini, masalah Internet bukan pada kes Nigerian scam iaitu kononnya mewarisi harta yang banyak dan ingin diserahkan kepada bakal mangsa dengan syarat dikenakan bayaran dengan kadar peratusan tertentu.

Skopnya sudah meluas terutama apabila pengguna Internet di Malaysia cukup aktif dalam media sosial.

Jika dulu serangan komputer membabitkan aspek teknikal seperti serangan virus, tetapi kebanyakan serangan dalam komputer sekarang membabitkan manusia yang memanipulasi elemen tamak, kurang kesedaran atau tidak tahu, takut dan mudah percaya.




***AKSES** kepada kelucahan dalam Internet.*

***MUSTAFFA***

Penjenayah siber buat penyelidikan terlebih dulu sama seperti kaedah untuk menarik orang menjadi keldai dadah, dia bukan lakukan dalam satu hari, kadangkala dua hingga tiga tahun bagi mangsa jatuh cinta dan mempunyai kepercayaan tinggi terhadap mereka sebelum mula memasang perangkap.

Sebab itu, program seperti 'Safer Internet Day' (SID) yang dianjurkan di seluruh dunia seharusnya menjadi platform terbaik bagi meluaskan minda rakyat Malaysia mengenai keselamatan Internet di negara ini.

Kali ini SID 2016 dianjurkan CyberSecurity Malaysia (CSM) yang berupaya memberi impak positif kepada pengguna Internet.

SID mula dianjurkan pada tahun 2004 oleh In-SAFE European Union (EU) yang berpangkalan di Brussels, Belgium.

Sambutan SID diadakan pada Februari setiap tahun bagi mempromosi keselamatan Internet, memupuk serta meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya kanak-kanak dan remaja mengenai kepentingan keselamatan Internet.

Naib Presiden Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Jangkauan CSM Lt Kol (B) Mustaffa Ahmad berkata, memandangkan pengguna Internet di Malaysia terus menjadi mangsa penipuan dan kecurian identiti maklumat peribadi

# KERATAN AKHBAR
# HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT V5
# TARIKH : 10 FEBRUARI 2016 (RABU)

kerana kekurangan pengetahuan mengenai keselamatan siber, pihaknya ingin memastikan SID 2016 dipandang serius pengguna Internet di negara ini.

"Ia sekali gus menjadikan mereka lebih bertanggungjawab apabila menggunakan teknologi dan aplikasinya serta gajet digital seperti telefon pintar serta tablet," katanya.

Pada setiap tahun, SID disambut di lebih 100 negara di seluruh dunia manakala di Malaysia sambutan SID mula diadakan pada tahun 2010 dengan dipacu CSM.

"Lazimnya pada setiap sambutan SID, pelbagai program serta aktiviti mengenai keselamatan siber dan kesejahteraan internet dianjurkan CSM dengan kerjasama rakan strategik yang turut melestari agenda keselamatan siber di Malaysia," katanya.

Katanya, Malaysia perlu memandang serius terhadap isu terutama untuk memupuk serta meningkatkan kesedaran pengguna Internet, khususnya kanak-kanak dan remaja mengenai kepentingan keselamatan siber.

"Pada masa sama, ia memberi pendedahan kepada pengguna Internet mengenai tatacara serta kaedah penggunaan Internet secara positif dan selamat," katanya.

Selepas itu menurut Mustaffa, ia berupaya membina budaya penggunaan Internet dan teknologi secara berhemah dan beretika.

SID juga bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber dan Internet bersesuaian dengan slogan CyberSAFE (program kesedaran keselamatan siber inisitiaf CSM) iaitu 'Sentiasa Bijak Sentiasa Selamat'.

Tahun ini dengan tema 'Play Your Part For A Better Internet', pengguna Internet disaran memainkan peranan mereka sebagai pengguna lebih beretika dan bertanggungjawab.

"Sekiranya mereka mempunyai pemahaman serta pengetahuan mengenai keselamatan Internet maka mereka perlu menggunakan sepenuhnya ilmu yang dimiliki dengan bertindak sebagai penggerak atau peneraju bagi mewujudkan persekitaran siber yang selamat lagi kondusif," kata Mustaffa.

Dari statistik Pusat Bantuan Cyber999, CyberSecurity Malaysia pada tahun 2015, insiden keselamatan siber yang paling banyak dilaporkan pengguna Internet adalah penipuan 'online' seperti 'fraud' dan pencerobohan dengan masing-masing mencatatkan 2,960 serta 1,646 kes.

Jumlah keseluruhan insiden yang dilaporkan sebanyak 9,420 kes.

Setiap ibu bapa perlu memahami istilah kawalan siber atau 'cyberparenting' dalam kalangan anak mereka yang merujuk kepada penguasaan literasi digital selaras dengan dunia dan budaya digital yang menjadi kebiasaan generasi kini.

Usaha itu penting bagi mengelak golongan itu terutama yang masih kecil terjebak ke dalam aktiviti negatif alam maya dan bukannya mengalihkan tanggungjawab berkenaan kepada pihak berkuasa untuk mencegah.

Ia kerana tidak adil meletakkan semua bebanan kepada pihak berkuasa untuk memantau kandungan Internet terutama aplikasi negatif sedangkan ia boleh dicegah ibu bapa di peringkat awal melalui peranan cyberparenting itu.

Jika peranan itu dapat dipikul, penggunaan Internet sebagai alat pendidikan, alat produktiviti dan platform sosial yang berguna untuk anak pasti dapat dicapai.



KANAK-kanak boleh menjadi mangsa siber.



PENDIDIKAN mengenai Internet perlu diperkasakan.

**KERATAN AKHBAR**
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 8**
**TARIKH : 10 FEBRUARI 2016 (RABU)**

# 2,700 evacuated due to floods

## Victims seek shelter at relief centres after heavy rain in Kuching and Bau

**KUCHING:** Over 2,000 people have been evacuated as heavy rain brought floods to parts of Kuching and Bau districts.

As of 2pm yesterday, the number of evacuees had risen to 2,679, compared to 765 on Monday night.

State Civil Defence Department (JPAM) public relations officer Siti Huzaimah Ibrahim said the flood victims had been moved to 21 relief centres – 14 in Kuching and five in Bau.

Seven of the centres were opened on Monday night as more rain fell while two more were opened yesterday morning.

Deputy State Secretary Datuk Misnu Taha said the weather was expected to improve by the end of the week.

"According to the Meteorological Department's forecast, the rain will lessen over the next few days until Friday. The Drainage and Irrigation Department's telemetry stations also showed light rain in most parts of Sarawak, unlike the heavy rain over the last few days," he told reporters after chairing a state disaster management committee meeting yesterday.

He cautioned that water levels could rise again during high tide and advised residents in low-lying areas to be on the alert.

"The public can contact JPAM if they observe the water level rising. The Welfare Department is also ready to deliver food to relief centres," he said.

In Malacca, the flood situation continued to improve as only 119 flood victims remained at Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Alor Gajah.

All other relief centres have been closed as flood water receded yesterday.

In Johor, only one relief centre remained open at SK Sepang Loi in Segamat, which housed 10 people from two families.

All other relief centres in Tangkak were closed yesterday evening as situation returned to normal.

**Picking up the pieces:** Flood victims Rosli Taib and wife Ramlah Kassim looking through their belongings taken from their home in Kampong Belimbing, following flash floods on Sunday morning.